

Pendidikan Vernakular: Masalah dan Cabaran British dalam Pembangunan Pendidikan di Melaka

Vernacular Education: British Problems and Challenges in Educational Development in Malacca

Siti Maisarah Othman

¹Suffian Mansor

Program Sejarah
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: ¹smansor@ukm.my

ABSTRAK

Artikel ini merupakan suatu penelitian yang menyentuh permasalahan dan cabaran British dalam membangunkan sistem pendidikan di Melaka dari tahun 1826 hingga tahun 1940-an. Ia melibatkan pertembungan sudut pandang dan perspektif antara semua kaum termasuklah kaum Melayu, Cina, India dan Inggeris yang terdapat di Melaka. Pertembungan stereotaip ini timbul disebabkan oleh dasar polarisasi British ke atas semua kaum di Melaka sehingga memberi impak terhadap pembangunan sistem pendidikan British itu sendiri. Polarisasi terhadap sistem pendidikan ini menjadikan setiap kaum termasuklah kaum Cina dan India ingin mengamalkan sistem pendidikan secara persendirian secara tidak langsung menyebabkan British terpaksa berhadapan dengan masalah dan cabaran tertentu. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan arkib serta kaedah lapangan bagi mendapatkan data. Oleh itu, kertas kajian ini akan menyentuh mengenai masalah dan cabaran yang dihadapi oleh British dalam memastikan sistem pendidikan vernakular dapat dilaksanakan di Melaka, serta langkah yang berkesan dapat diambil dalam menangani konflik di antara ketiga-tiga kaum utama ini.

Kata kunci: Akta Kod Pekerja 1912, Ordinan Pendaftaran Sekolah 1920, pemberian bantuan, Akta Pendidikan Wajib 1902, pendidikan vernakular

ABSTRACT

This article is a study that discuss on the problems and challenges of the British in developing the education system in Melaka from 1826 to the 1940s. It involves a clash of viewpoints and perspectives among all races, including Malay, Chinese, Indian and English in Malacca. This clash of stereotypes arose due to the British policy of polarization on all races in Melaka so as to impact the development of the British education system itself. This polarization of the education system made every race, including the Chinese and Indians, want to adopt a private education system, indirectly causing the British to face certain problems and challenges. The research method used in this study is a qualitative study that includes library and archival methods as well as field methods to obtain data. Therefore, this research paper will discuss on the problems and challenges faced by the British in ensuring the vernacular

education system can be implemented in Melaka, as well as effective measures can be taken in addressing the conflict between these three major races.

Keywords: *Labor Code Act 1912, School Registration Ordinance 1920, Grant-In-Aid, Compulsory Education Act 1902, vernacular education*

1. Pengenalan

Secara umumnya, penjajahan British di Melaka telah memberi impak kepada pembangunan dalam bidang pendidikan. Semasa penjajahannya, terdapat empat jenis sekolah vernakular yang diperkenalkan iaitu Sekolah Vernakular Melayu, Sekolah Vernakular Cina, Sekolah Vernakular India dan Sekolah Inggeris. Pada awal penubuhannya, British masih belum menggariskan satu dasar pendidikan yang tetap dan membiarkan penggunaan pelbagai bahasa pengantar yang menyemai benih perkauman di antara rakyat di Melaka. Malahan, tiada satu sistem pendidikan berbentuk kebangsaan yang dilihat melainkan semua kaum dipisah-pisahkan mengikut jenis sekolah. Oleh itu, tiada objektif pendidikan yang seragam untuk semua masyarakat di Melaka pada ketika itu.

Pada tahun 1858 hingga tahun 1863, terdapat sembilan buah sekolah Melayu mulai dibuka. Selain itu, lima buah sekolah Melayu yang dibuka pada tahun 1863 adalah Sekolah Ujong Passir (Ujong Pasir), Sekolah Pankalan Ramah (Pengkalan Rama), Sekolah Pringet (Peringgit), Sekolah Durian Tunggal dan Sekolah Tengkeri (CO275/2, 1857-67). Kelima-lima sekolah Melayu ini dibuka secara serentak pada 1 Januari 1863 di Melaka. Pada tahun 1886 dan tahun 1887, sekolah-sekolah Melayu ini mengalami perkembangan kira-kira 42 buah yang dibentuk oleh British di seluruh daerah negeri Melaka. Menurut Jumaah Haji Alias (1982/83), terdapat banyak sekolah-sekolah Melayu di Melaka dan sekolah Melayu ini lebih terkenal berbanding dengan sekolah di Negeri-negeri Selat yang lain. Malahan, pembukaan sekolah-sekolah vernakular Melayu ini menjadi punca penutupan kelas Melayu di *Malacca High School* pada tahun 1858. Laporan Negeri-negeri Selat, *A Malay class was commenced in 1835 (in Malacca High School) but upon the establishment of the new vernacular schools in 1858 it was abolished*. Begitu juga menurut D.D. Chelliah (1947), Blundell menganggap Melaka adalah tempat yang terbaik untuk sekolah-sekolah Melayu kerana jumlah penduduk di sana hampir keseluruhannya terdiri daripada orang Melayu yang berasal dari negara ini dan bukannya pendatang seperti di Pulau Pinang dan Singapura. Namun begitu, pendidikan sekolah vernakular Melayu ini hanya menyediakan pendidikan setakat di peringkat rendah sahaja, tiada sekolah menengah, maktab atau universiti seperti sekolah Inggeris.

Kehadiran orang Cina secara beramai-ramai di Melaka sebelum Perang Dunia Kedua juga membawa kepada perkembangan sekolah Cina di Melaka. Perkembangan institusi pendidikan tradisional untuk kaum Cina yang pertama di Tanah Melayu telah dibina oleh Persatuan Mubaligh London di negeri Melaka pada tahun 1815. Kelas pendidikan vernakular Cina yang pertama juga didirikan oleh Persatuan Mubaligh London di Melaka pada tahun yang sama. Terdapat tiga buah sekolah Cina (nama sekolah tidak dinyatakan) pada tahun 1815 dan menjelang tahun 1884, sejumlah 12 buah sekolah Cina (nama sekolah tidak dinyatakan) telah dikendalikan oleh orang-orang Cina. Sekolah-sekolah Cina ini sebahagian besarnya diselenggarakan oleh orang-orang perseorangan, perkongsian dan persatuan-persatuan marga, mubaligh-mubaligh atau jawatankuasa pengurusan atau dikenali sebagai *Committee School* di

mana, ahli-ahlinya akan membayar yuran setiap bulan dan mengutip wang bagi perbelanjaan sekolah tersebut. Tidak terdapat sekolah Cina yang dibiayai oleh British semasa zaman koloni Inggeris bertapak di Melaka (Tan Sri Abdul Aziz Mohd Zain, 1971). Namun begitu, masih ada juga sekolah Cina yang menerima *grants-in-aid* atas keadaan yang ditetapkan dalam Kod Pendidikan dan majoriti sekolah Cina di Melaka yang menerima geran Kerajaan ini adalah sekolah rendah sahaja. Salah satu syarat kelayakan bagi sesebuah sekolah Cina itu untuk mendapatkan geran tersebut adalah mata pelajaran bahasa Inggeris mesti diajar oleh seorang guru yang berkelayakan minimum mestilah lulus peperiksaan *Junior Cambridge* atau setaraf dengannya (Anon, 1939). Ekoran berlakunya revolusi di China pada tahun 1911, sekolah-sekolah Cina di Melaka semakin berkembang mengikut acuan Kang Yu Wei yang menggabungkan ajaran Confucius dengan Sains Barat. Pada tahun 1935, terdapat tiga buah sekolah bantuan Cina dan lima buah sekolah bantuan Cina pada tahun 1936. Diikuti tahun 1937, penambahan sebanyak tujuh buah sekolah bantuan Cina di Melaka dan pada akhir tahun yang sama, menjadikan jumlah sebanyak 76 buah sekolah di seluruh daerah negeri Melaka. Tambahan, Sekolah Menengah Cina yang tertua di Melaka iaitu Sekolah Menengah Pay Fong ditubuhkan pada 7 Julai 1913 dan kekal sehingga kini (A. Keir, 1938).

Sistem pelajaran Tamil pada awalnya tidak diasaskan oleh mana-mana pihak, kemudiannya telah dikelolakan oleh masyarakat India Selatan. Objektif utama penubuhan awal sekolah Tamil hanya untuk memenuhi keperluan pendidikan anak-anak mereka tanpa sebarang bantuan British ataupun majikan ladang, serta setakat di peringkat rendah sahaja. Sekiranya ibu bapa orang India yang berhasrat menghantar anak mereka menyambung pelajaran ke peringkat menengah, maka mereka perlulah menghantar anak mereka ke sekolah Inggeris (Anon, 2001). Perkembangan pendidikan vernakular bagi masyarakat India di Melaka dilihat bermula dengan penubuhan *Anglo-Tamil School* pada tahun 1850 yang mengajar mata pelajaran Inggeris dan Tamil. Sekolah ini merupakan sekolah bantuan Tamil pertama di Melaka dan hanya bertahan selama 10 tahun sahaja ekoran faktor kekurangan murid. Akan tetapi menurut Peter Wicks (1980), Newbold menemui beberapa sekolah Hindu di Melaka pada tahun 1834 yang menurutnya lagi 'sekolah ini dilakukan serupa dengan yang ada di India'. Perkembangan seterusnya dilihat dengan tertubuhnya Sekolah Trankerah (Tengkera) pada 1 March 1864 (Anon, 1859-60), diikuti juga sekitar tahun 1870-an, beberapa buah sekolah kecil di ladang-ladang getah ditubuhkan lagi di Melaka. Dasar Kanun Buruh 1902 yang diperkenalkan oleh British juga menjadi faktor perkembangan sekolah-sekolah Tamil di Melaka yang mewajibkan pemilik ladang untuk menyediakan sekolah serta menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Pada tahun 1927, terdapat kira-kira 28 buah sekolah vernakular Tamil di seluruh daerah negeri Melaka (CO276/109, 1887-88). Peningkatan bilangan sekolah ini menunjukkan kaum India di Melaka tidak mahu ketinggalan dalam mendapatkan peluang pendidikan seperti kaum yang lain.

Penjajahan Inggeris di Melaka yang berabad lamanya menyebabkan terhasilnya penempatan Inggeris di Melaka. Pihak British turut membangunkan kemudahan pendidikan melalui penubuhan sekolah Inggeris pertama di Melaka iaitu *Malacca Free School* atau dikenali sebagai *Malacca High School* pada tahun 1826. Sekolah Inggeris perempuan pertama pula iaitu sekolah *Convent of the Holy Infant Jesus* didirikan oleh mubaligh berbangsa Perancis pada tahun 1860 secara percuma bagi peringkat rendah sahaja serta berfungsi sebagai sebuah institusi pendidikan agama dan sekular untuk anak-anak Kristian (CO276/57, 1908). Pertumbuhan sekolah-sekolah rendah dan menengah Inggeris ini berkembang pesat sehingga tertubuhnya sekolah *St. Francis Institution* (1880), Sekolah Perempuan *Methodist* (1904), Sekolah Inggeris

Bandar Hilir (1908), Sekolah *Sacred Heart Convent* (1909) dan Sekolah Inggeris Tengker (1925). Pada tahun 1936, terdapat lapan buah sekolah Inggeris (nama sekolah tidak dinyatakan) dibangunkan di Melaka. Terdapat dua objektif utama sekolah Inggeris ini ditubuhkan iaitu sebagai tradisi kolonial di merata dunia bagi melahirkan tenaga kerja seperti kerani dan guru-guru Inggeris, manakala kedua iaitu untuk melahirkan kesetiaan rakyat kepada pemerintah (Ibrahim Saad, 1978). Secara keseluruhannya, sekolah-sekolah Inggeris ini dilihat lebih berkualiti berbanding sekolah-sekolah vernakular yang lain. Ini kerana, norma pentadbiran British yang menetapkan murid-murid keluaran sekolah Inggeris ini akan dilantik sebagai pembantu dalam sektor perkhidmatan Kerajaan. Oleh itu, kertas kerja ini akan menyoroti masalah, cabaran dan langkah British dalam membangunkan sistem pendidikan bagi keempat-empat jenis sekolah vernakular ini.

2. Tinjauan Literatur

Kajian ini merujuk beberapa kajian-kajian lepas yang dihasilkan oleh ahli-ahli akademik dan sarjana mengenai sejarah sistem pendidikan vernakular terhadap masyarakat mengikut pendekatan yang digunakan oleh mereka. Berpandukan kajian Ramlah Adam (1991), perkembangan sistem pendidikan masyarakat Melayu bermula dengan perkembangan sistem pendidikan Islam di Melaka. Ianya berikutan daripada penyebaran agama Islam ke Melaka pada abad ke-15. Perbincangannya menyentuh tujuan dan harapan asas British, kurikulum dan sukatan pelajaran bagi pelajaran vernakular Melayu kepada masyarakat. Selain itu, perbincangan mengenai tokoh-tokoh lepasan Maktab Melayu Melaka, bayaran gaji dan masalah-masalah yang dihadapi di maktab.

Kajian ini turut mengenal pasti kajian lepas berkaitan orang Melayu di Melaka dan pendidikan sekular (Khuo Kay Kim, 1982). Perbincangan merujuk kepada dasar-dasar British terhadap sekolah Inggeris, sekolah Melayu dan sekolah pertukangan. Perbincangan lanjutnya mengenai sambutan ibu bapa Melayu di Melaka yang amat pasif dalam sistem pendidikan Inggeris oleh kerana tebalnya prasangka ibu bapa Melayu yang mahukan anak-anak mereka yang bersekolah diberikan biasiswa. Di bawah kajian Khairi Ariffin, Ramli Saadon & Ismail Ali (2012), membincangkan mengenai pelaksanaan pelajaran formal yang bercorak *western-type education* oleh British yang telah dirancang dan ditentukan matlamatnya di negeri-negeri Melayu. Menurutnya, British telah menentukan kurikulum yang patut diajar di sekolah-sekolah yang diselia, malahan sekolah vernakular Melayu hanya menggunakan beberapa subjek yang dirasakan sesuai dengan kehidupan orang Melayu. Matlamatnya supaya masyarakat Melayu kembali ke kampung-kampung dan meneruskan kehidupan sebagai petani.

Berpandukan kajian Abu Zahari Abu Bakar (1980), membincangkan mengenai sistem pendidikan dalam zaman penjajahan Inggeris (1786-1941). Menurutnya, sebelum campur tangan British di negeri-negeri Tanah Melayu, sudah ada perkhidmatan pendidikan di negeri-negeri tersebut. Sekolah-sekolah pada ketika itu tidak menumpukan masa untuk mengajar pelajaran membaca, menulis dan mengira ataupun memberi kemahiran-kemahiran pekerjaan, tetapi menumpukan masa kepada pengajaran utama iaitu kelas pengajian Al-Quran. Selain itu, perbincangan mengenai permulaan dan perkembangan sistem sekolah vernakular Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris yang menjurus kepada asal usul orang Melayu, kemasukan imigran Cina dan India ke Tanah Melayu serta orang Inggeris di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Kajian Ramli Saadon, Khairi Ariffin & Ishak Saat (2016) membincangkan mengenai perkembangan pendidikan orang Melayu sebelum kemasukan sistem pendidikan sekular British. Pendidikan orang Melayu sebelum kolonial British adalah sangat terikat dengan corak pendidikan tradisional yang berpegang teguh kepada konsep pendidikan berbentuk sosialisasi dan pendidikan keagamaan yang menekankan ajaran Islam. Pendidikan tradisional ini juga membolehkan mereka yang berkelayakan melanjutkan pelajaran ke Asia Barat. Ini menunjukkan bahawa sebelum kedatangan British lagi, sistem pendidikan tradisional mampu membawa masyarakat Melayu ketika itu keluar dari tempatnya. Begitu juga kajian Hasnah Hussin (2009) membincangkan mengenai kemunculan guru-guru Melayu yang dikaitkan dengan perkembangan pendidikan khususnya pada awal abad ke-20 dan perkembangan maktab-maktab perguruan di Tanah Melayu termasuklah Maktab Perguruan Melayu Melaka. Peranan dan perjuangan guru-guru Melayu pada zaman penjajahan, kurikulum sekolah, penubuhan tabung pendidikan, penubuhan persatuan guru dan dasar pendidikan British yang menggabungkan pendidikan agama serta sekular turut dibincangkan dalam penulisan ini. Hasil dari penelitian ini, penyelidik akan memahami persoalan yang dikajinya dan menganalisa isu-isu yang boleh dipertengahkan.

3. Metodologi Kajian

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan bagi mendapatkan data. Secara amnya, penggunaan sumber primer dan sumber sekunder amat penting bagi menghasilkan sebuah penyelidikan yang baik.

Dalam mendapatkan bahan-bahan primer mahupun sekunder ini, penyelidik mendapatkan di Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (PTSL), Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia (ATMA), Perpustakaan Muzium Rakyat di Melaka, Perpustakaan Negeri Melaka dan Perpustakaan Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka. Analisis lebih lanjut perlu dilakukan oleh penyelidik sama ada bahan tersebut bersesuaian atau tidak dengan tajuk kajian.

Kaedah lapangan yang dijalankan ini termasuklah melakukan proses observasi atau pemerhatian secara langsung terhadap kawasan kajian atau dikenali sebagai *pilot survey*. Melalui proses tersebut, penyelidik dapat melihat sendiri bahan-bahan berkaitan kajian yang dijalankan. Kajian lapangan turut banyak digunakan bagi melengkapi data kepustakaan selain membantu penyelidik mendapatkan maklumat-maklumat yang lain. Ini kerana, tidak semua bahan-bahan yang ada di perpustakaan boleh didapati dan dikumpul dengan lengkap. Justeru itu, penyelidik melaksanakan kajian lapangan di Muzium Pendidikan di Melaka, Muzium Rakyat di Melaka, Maktab Perguruan Perempuan Melayu di Melaka, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka, Pejabat Pendidikan Daerah Melaka Tengah, Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) dan Institut Tun Perak di Melaka bagi mendapatkan maklumat lebih lanjut berkaitan penyelidikan ini.

4. Permasalahan dan Cabaran British dalam Pembangunan Pendidikan Vernakular di Melaka

Usaha pembangunan British dalam bidang pendidikan vernakular ini menghadapi pelbagai masalah dan cabaran. Ini adalah ekoran daripada kelemahan pentadbiran British yang awalnya tidak menyusun satu dasar pelajaran kebangsaan yang kukuh, melainkan hanya menggalakkan

sikap kebangsaan yang tunggal bagi semua penduduk di Melaka. Sikap prejudis masyarakat Melayu Melaka juga menimbulkan masalah kepada British dalam pembangunan pendidikan. Kebanyakan ibu bapa Melayu meragui akan tindakan menghantar anak mereka ke sekolah Melayu termasuklah sekolah Inggeris. Pada awal penubuhan sekolah-sekolah Melayu itu iaitu akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, sekolah ini tidak mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat Melayu. Sekitar tahun 1886, kehadiran murid ke sekolah vernakular Melayu menurun secara mendadak, malah sekolah vernakular Melayu di Melaka dikatakan paling mundur kerana keadaannya yang kurang memuaskan berbanding sekolah-sekolah Melayu di penempatan yang lain. Sepanjang tahun itu, kehadiran di sekolah-sekolah Melayu di Melaka mencatatkan penurunan dari 2,407 pada Januari 1886 menjadi 1,809 pada tahun 1887 (CO275/32, 1886-87). Ditambah pula dengan stereotaip ibu bapa yang merasakan dengan memasukkan anak-anak mereka ke sekolah tidak akan memberi jaminan ekonomi yang baik kepada kehidupan mereka. Misalnya, ibu bapa Melayu enggan menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerana bimbang akan kehilangan tenaga kerja dan perkhidmatan anak-anak mereka di rumah atau di ladang. Malahan, bagi mereka pelajaran itu boleh merosakkan kehidupan anak-anak perempuan mereka dan berpendirian bahawa anak perempuan hanya sesuai untuk tinggal di dapur sahaja (Anon, 1957). Terdapat juga sikap masyarakat Melayu Melaka yang mengandaikan bahawa sama ada anak mereka bersekolah atau tidak, mereka masih tinggal di lapisan bawah dalam hierarki kelas pada masa itu. Bagi mereka, tindakan untuk tidak menghantar anak-anak ke sekolah adalah lebih menguntungkan kerana mereka pada waktu itu menjalankan kegiatan bertani tanpa menggunakan apa-apa bantuan jentera, jadi sudah tentu mereka amat memerlukan tenaga kerja dari anak-anak mereka sendiri. Selain itu, British turut berdepan dengan sikap prejudis masyarakat Melayu Melaka yang tebal kepada usaha mengkristiankan atau menginggeriskan anak-anak Melayu (CO275/1, 1857-67). Malah untuk menyatakan sekolah ini suci dari usaha pengkristianan adalah sangat keterlaluan bagi masyarakat Melayu di Melaka sehinggakan mereka merasakan sekolah Inggeris ini akan memurtadkan anak-anak mereka seperti yang terpancar dalam akhbar Suara Benar (Jumaah Hj. Alias, 1982/83). Mereka berpandangan bahawa Inggeris itu 'kafir' atau 'kristian', malah dengan menghantar anak-anak ke sekolah Inggeris ibarat menghantar anak-anak mereka ke neraka.

Campur tangan politik dari negara China turut menimbulkan masalah dalam pembangunan pendidikan British. Pembukaan sekolah vernakular Cina ini mengalami peresapan unsur-unsur politik China hinggan memberi tamparan hebat terhadap dasar terbuka Inggeris (Sufean Hussin, 1993). Malahan, sejak berlakunya revolusi di China pada tahun 1911, hampir kesemua sistem persekolahan Cina mengikuti corak-corak pendidikan di negara China. Pada tahun 1925, buku-buku teks yang dicetak di China iaitu silibus mengenai perkara politik dan anti-asing mulai diterapkan kepada murid-murid di sekolah vernakular Cina di Melaka. Menurut Haris Md. Jadi (1990), sekolah-sekolah vernakular Cina ini ibarat 'negeri China yang kecil'. Golongan reformis dan revolusioner juga berusaha mendapatkan sokongan orang-orang Cina di seberang laut, malahan usahanya melebihi kerajaan Manchu. Akibat penggulingan kerajaan Manchu pada tahun 1911, kerajaan baharu iaitu Rejim Kuomintang (KMT) (Chua Keng Heng, 1997/98). KMT ini terus-menerus menyalurkan bantuan dan khidmat nasihat mengenai pentadbiran sekolah di semua sekolah-sekolah Cina termasuklah di Melaka. Rombongan pelajaran turut dijalankan untuk melawat sekolah-sekolah Cina dengan tujuan untuk mendapatkan jaminan bahawa sekolah-sekolah Cina tersebut diberi penjelasan tentang aspirasi baru serta ideologi Republik Rakyat China. Usaha KMT dipergiatkan lagi apabila KMT

menubuhkan cawangannya di Tanah Melayu pada tahun 1912. Apa yang jelas, usaha-usaha KMT ini mendapat sambutan yang amat luas di kalangan murid, guru-guru dan pengurus-pengurus sekolah Cina di Tanah Melayu. Kesannya, sekolah-sekolah Cina di Melaka ini menjadi lubuk penyebaran ideologi kerajaan China dan KMT. Oleh itu, hal ini membimbangkan British yang terpaksa bersaing dengan KMT yang cuba mendominasi pentadbirannya dan menyebarkan ideologinya melalui pendidikan, khususnya di sekolah-sekolah Cina. Buktinya, menurut Victor Purcell yang pernah memegang jawatan sebagai Pelawat Sekolah Cina, 'sekolah-sekolah Cina beransur-ansur menjadi alat dakyah politik dari luar yang matlamatnya bertentangan atau bercanggah dengan dasar kerajaan British'.

Kemudahan infrastruktur yang bermutu rendah ke atas sekolah vernakular India secara tidak langsung membantutkan pembangunan pendidikan British. Keadaan yang serba kekurangan dan sikap kerajaan Inggeris yang tidak mempedulikan soal mempertingkatkan bantuan serta mutu sekolah-sekolah Tamil ini menyebabkan mereka kurang berminat dengan usaha British ini. Orang-orang India ini hanya diberikan kemudahan asas daripada pihak majikan mereka, malah peluang pendidikan kepada anak-anak mereka langsung tidak diambil kira oleh majikan. Objektif utama penubuhan sekolah Tamil oleh kerajaan British hanya semata-mata untuk menghalang pekerja kaum India pulang ke negara asal mereka setelah selesainya kontrak mereka. Oleh sebab British tidak mempunyai niat yang jujur, maka segala kemudahan fizikal dan kelayakan guru-guru sekolah Tamil ini tidak dititikberatkan. Bagi British cukup hanya sekadar tertubuhnya sekolah-sekolah untuk anak-anak orang India di ladang estet tersebut asalkan pekerja-pekerja kaum India ini terus kekal tinggal di Melaka. Kekurangan pelajar juga menyukarkan sekolah-sekolah Tamil ini terus beroperasi. Keengganan pemilik ladang dalam memberikan peluang pendidikan kepada anak-anak pekerja juga jelas terbukti dari segi bangunan sekolah yang diperuntukkan misalnya bangunannya hampir runtuh ataupun rumah asap yang tidak sesuai digunakan untuk anak-anak Tamil tersebut (Sankar Arikrishnan, 2011). Proses pengajaran dan pembelajaran sekolah Tamil yang tidak menggalakkan, tenaga pelajar yang tidak berkelayakan dan cekap, serta tiada sukatan pelajaran yang dijadikan sebagai panduan membantutkan lagi pembangunan pendidikan British. Misalnya, tenaga pengajarnya terdiri daripada tander atau mandor, konduktor estet, paderi Hindu, pembancuh ubat, buruh yang telah bersara ataupun sesiapa yang mempunyai pengetahuan asas menulis dan membaca dalam bahasa Tamil (S. Sattananttan, 1997). Bahkan, apa yang diajar juga bergantung pada apa yang mereka ketahui disebabkan mereka sendiri tidak mempunyai pendidikan yang cukup dan terlatih. Penggajian yang rendah ke atas tenaga pengajar juga menjadi faktor utama mengapa bidang perguruan tidak diminati. Menurut Ho Seng Ho (1952), *the poor quality of teachers on account of the low salaries offered*. Ini kerana, gaji sebagai seorang buruh di ladang ketika itu lebih menguntungkan jika dibandingkan dengan gaji yang ditawarkan kepada seorang guru. Sekolah vernakular Tamil ini juga menghadapi kekurangan dari segi kandungan kurikulum, tenaga pengajar dan pedagogi, malah bersifat *cul-de-sac* iaitu sebahagian besar daripada muridnya akan kekal di ladang menjadi buruh kasar. Ini menunjukkan sekolah Tamil pada ketika ini bersaing sengit untuk membentuk sebuah sekolah yang sempurna seperti sekolah yang lain.

Meskipun sekolah Inggeris adalah sekolah utama buat Inggeris, pembangunan sekolah Inggeris ini turut berhadapan dengan masalah-masalah tertentu. Masalah tersebut termasuklah masalah kewangan, bilik darjah yang tidak memuaskan, ketiadaan pegawai yang berkebolehan dalam mengendalikan sekolah dan masalah-masalah guru. Masalah kewangan adalah masalah utama bagi sekolah Inggeris di Melaka. Ini menyebabkan sekolah-sekolah persendirian ini

terpaksa meminta bantuan kerajaan dan akhirnya sekolah-sekolah ini menjadi sekolah bantuan kerajaan (Jumaah Hj. Alias, 1982/83). Dari segi bangunan, sekolah-sekolah persendirian sebilangan besarnya ditubuhkan di rumah-rumah persendirian pada awalnya atau menyewa bangunan. Sekolah-sekolah ini seringkali bertukar tempat oleh sebab ketiadaan bangunan yang tetap sekaligus menjejaskan sesi pelajaran sekolah tersebut. Misalnya, sekolah *Sacred Heart Convent* di Melaka mengalami tiga kali perpindahan bangunan dalam masa dua tahun. Masalah ketiadaan pegawai-pegawai yang boleh mengendalikan pentadbiran sekolah turut dialami oleh sekolah Inggeris di Melaka. Menurut Ho Seng Ho (Jumaah Hj. Alias, 1982/83), *it was difficult to get suitable person to run the school.*

Pada tahun 1859 hingga tahun 1860, berlaku pengurangan dana sekolah menyebabkan hal untuk mendapatkan khidmat pemegang amanah sebagai pengetua yang kompeten atas gaji kecil yang mereka tawarkan, jawatan tersebut telah kosong selama beberapa waktu. Akhirnya, tugas-tugas tersebut telah diambil alih oleh Pendeta Mr. Hackett. Begitu juga *Malacca High School* yang awalnya dikenali sebagai *Malacca Free School* telah bertukar nama kepada *Malacca High School* disebabkan oleh masalah kewangan dan pentadbiran. Badan mubaligh Kristian terpaksa menyerahkan sekolah ini kepada kerajaan kerana sekolah tersebut adalah sebuah bangunan lama yang perlu dibaiki dan dana tidak mencukupi untuk keperluan pada masa itu (D. D. Chelliah, 1960). Krisis ini berpunca daripada bayaran gaji yang kurang memuaskan sehingga menyebabkan jawatankuasa sekolah menyedari bahawa mereka tidak lagi dapat bekerja dengan dana yang ada, lalu memutuskan untuk menyerahkan dana serta harta benda sekolah kepada kerajaan British yang diambil alih secara rasminya pada 1 Ogos 1878. Masalah kehilangan guru turut berlaku di *Malacca High School* di mana sekolah ini kehilangan empat orang guru dari Eropah iaitu J. Howel (pengetua *Malacca High School* ketika itu), Mesars. M. Mackenzie, W. B. Cambell dan J. Johnson. Kehilangan guru-guru ini menjejaskan pentadbiran sekolah kerana proses pengambilan guru-guru juga memakan masa yang agak lama dan sedikit rumit untuk dilaksanakan. Oleh itu, polarisasi pendidikan ini telah menyebabkan British terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah dan cabaran, namun tidak dinafikan bahawa British turut mengambil langkah yang efektif dalam menangani masalah tersebut.

4.1 Usaha British Menangani Masalah dan Cabaran dalam Pembangunan Pendidikan Vernakular

4.1.1 Pelantikan Penghulu Kampung dan Pegawai Pendidikan Khas

Konflik yang timbul di kalangan masyarakat Melayu di Melaka menyebabkan sekolah-sekolah vernakular Melayu di Melaka dikatakan paling mundur kerana keadaan sekolahnya yang kurang memuaskan berbanding sekolah-sekolah Melayu di penempatan lain sekitar tahun 1886 hingga tahun 1887. Dengan itu, British mengarahkan penghulu kampung di setiap kawasan kampung menggunakan pengaruh mereka sebagai jaminan kehadiran anak-anak Melayu ke sekolah. Namun begitu, tentu sahaja mustahil kerana tugas penghulu ketika itu sudah cukup berat kerana perlu mengawasi 70 buah sekolah lain secara peribadi (CO275/32, 1886-87). Oleh itu, British melantik pegawai pendidikan khas untuk penempatan di Melaka yang ditugaskan untuk mengunjungi sekolah-sekolah tersebut secara kerap. Setiap pegawai ditugaskan untuk mengunjungi sekolah-sekolah tersebut sekurang-kurangnya tujuh atau lapan kali sepanjang tahun

1887. Pengawasan peribadi ini adalah untuk memastikan sekolah-sekolah tersebut menjadi efisien seperti sekolah-sekolah di penempatan yang lain.

4.1.2 Compulsory Education Act 1902 / The School Attendance Ordinance 1902

Selepas tahun 1900, perkembangan pesat dalam sistem pendidikan di Melaka membawa kepada pengenalan *Compulsory Education Act 1902*. Akta ini diperkenalkan oleh British bagi mewajibkan ibu bapa Melayu menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Peraturan ini adalah di mana, sebahagian orang tua atau orang yang mempunyai hak penjagaan mana-mana anak lelaki antara umur tidak kurang daripada 7 atau lebih daripada 14 tahun, bertanggungjawab secara sah untuk kehadiran ke sekolah bagi anak-anak lelaki tersebut (CO274/8, 1900-05). Kehadiran anak lelaki ini mestilah tidak kurang daripada 50% dari hari persekolahan pada setiap bulan dalam tempoh enam bulan sebelum tarikh di mana aduan tersebut diserahkan di hadapan mahkamah polis. Ketiadaan alasan yang munasabah akan dikenakan denda tidak melebihi \$5 atau jika gagal membawa akan dipenjarakan tidak melebihi 14 hari. Pengecualian boleh didapati sekiranya mempunyai alasan yang munasabah seperti yang ditetapkan di dalam seksyen iaitu (CO274/8, 1900-05):

- 1) Bahawa tidak ada sekolah, di mana pendidikan percuma dalam bahasa mereka sendiri disediakan oleh Kerajaan dalam jarak 11 batu dari kediaman yang diukur mengikut jalan atau laluan terdekat.
- 2) Bahawa kanak-kanak sedang menghadiri sekolah di mana bahasa Inggeris diajar.
- 3) Bahawa kanak-kanak telah lulus piawai tertinggi dalam sekolah vernakular Kerajaan atau sekolah bantuan Kerajaan.
- 4) Bahawa kanak-kanak itu telah dicegah daripada menghadiri sekolah disebabkan oleh penyakit atau apa-apa sebab yang tidak dapat dielakkan.

4.1.3 Ordinan Pendaftaran Sekolah 1920 dan Grant-In-Aid

Akibat daripada penyebaran ideologi KMT di Melaka, ordinan ini diperkenalkan sekaligus memberi kuasa kepada British untuk menutup sekolah-sekolah yang melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh British. British turut menerima sanggahan daripada orang-orang Cina yang menentang ordinan ini dengan menghantar petisyen kepada British dan Pejabat Luar Negerinya di London. Mereka mendesak agar British memansuhkan ordinan tersebut, namun tidak dilayan kerana bagi British, ordinan tersebut adalah untuk memastikan semua sekolah-sekolah Cina ini dalam keadaan baik dan guru-guru serta muridnya bebas daripada ideologi KMT. Walau bagaimanapun, ordinan ini mengalami pindaan sebanyak empat kali untuk memastikan syarat-syarat yang ketat dapat dilakukan dalam mengawal selia perkembangan sekolah-sekolah Cina. Misalnya, British memperkenalkan sistem peruntukan bantuan kewangan atau *grant-in-aid* kepada sekolah-sekolah Cina, di mana di bawah sistem ini kerajaan akan memberi bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah yang sanggup menerima campur tangan kerajaan dalam urusan pentadbirannya iaitu menentukan kurikulum untuk sekolah.

Pada tahun 1925, pindaan sekali lagi dilakukan dengan memberi kuasa tambahan kepada British untuk mengambil tindakan terhadap guru dan murid yang terlibat dalam aktiviti subversif serta mengharamkan buku-buku teks yang dianggap tidak sesuai. Kawalan yang lebih ketat juga dikenakan terhadap sekolah Cina apabila Gabenor Cecil Clementi, pegawai British yang anti-

KMT menggantikan Sir Hugh Clifford sebagai Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1929. Beliau hanya membenarkan pengambilan guru sekolah Cina dilantik daripada kalangan mereka yang lahir di Tanah Melayu termasuklah di Melaka, disamping mengharamkan penggunaan buku teks yang mengandungi bahan anti-British.

4.1.4 Pembukaan Kelas Tamil dan Akta Kod Pekerja 1912

Sekolah-sekolah vernakular Tamil mengalami kesukaran untuk terus beroperasi disebabkan oleh tahap kualiti sekolah yang rendah dan usang. British mengambil usaha lain dengan menjadikan mata pelajaran Tamil sebagai salah satu mata pelajaran kepada murid-murid Tamil di sekolah-sekolah yang bukan berhaluan Tamil. Langkah ini dijalankan di Sekolah Tarangera, Melaka namun kaedah ini juga tidak berjaya mengatasi masalah kehadiran murid-murid Tamil ke sekolah. Pada tahun 1912, Akta Kod Pekerja telah diperkenalkan oleh British yang mewajibkan semua pengurus ladang untuk memberi pendidikan kepada anak-anak pekerja di ladang mereka yang berumur antara 10-14 tahun sekiranya terdapat tidak kurang 10 orang kanak-kanak. Pegawai buruh ini bertanggungjawab untuk menjaga perkembangan sekolah-sekolah Tamil di ladang seperti yang ditetapkan oleh pihak British. Kod ini juga terus digunapakai hingga tahun 1993.

5. Rumusan

Sebagai kesimpulan, dasar-dasar British dalam membangunkan pendidikan vernakular di Melaka ini adalah berunsurkan selektif dan berkepentingan. Hasil penelitian mendapati bahawa terdapat satu dasar tersirat daripada penubuhan sekolah vernakular yang berbentuk polarisasi ini kerana ia merupakan satu dasar penyekatan dan diskriminasi terhadap masyarakat Melayu, iaitu masyarakat pribumi yang terpaksa berhadapan dengan imigran-imigran dari luar dan bersaing demi kelangsungan hidup. Usaha-usaha pihak British ini tidak mendapat sambutan daripada masyarakat Melayu pada awalnya oleh sebab mencurigai pengajaran yang berbentuk sekular. Namun tidak dinafikan, liku-liku perjalanan British ke arah pembangunan sistem pendidikan vernakular di Melaka ini membuahkan hasil. Hal ini di mana, terdapat lebih banyak lagi sekolah-sekolah yang mulai dibuka sebaik sahaja tamat pemerintahan British di Melaka sehinggalah ke hari ini yang masih meneruskan tradisi dan legasi pengajaran serta pembelajaran gaya British.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Dr. Suffian Mansor, selaku penyelia yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan memberi bimbingan sepanjang menghasilkan penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kerana memberi peluang untuk menghasilkan artikel ini. Terima kasih juga kepada perpustakaan-perpustakaan, jabatan dan agensi yang terlibat dalam melengkapkan bahan-bahan penyelidikan ini.

Rujukan

Sumber Primer

- Anon. (Tiada tahun). *Annual Report of the Administration of the Straits Settlements, During the Year 1859-60*.
- Anon. (1939). *Higher Education in Malaya: Report of The Commission Appointed by The Secretary of State for The Colonies*. London: His Majesty's Stationery Office.
- Anon. (1957). *Federation of Malaya: Annual Report on Education for 1956*.
- Anon. (2001). *Education in Malaysia: A Journey to Excellence*, Ministry Education Malaysia.
- Keir, A. (1938). *Straits Settlement Paper to Be Laid Before the Legislative Council by Command of His Excellency the Governor: Annual Reports on Education in The Straits Settlements and The Federated Malay States for The Year 1937*. Tiada penerbit.
- CO 274/8. *Straits Settlements: Acts November 1900-March 1905*.
- CO 275/1. *Straits Settlements: Sessional Papers 1857-1867*.
- CO 275/2. *Straits Settlements: Sessional Papers 1857-1867*.
- CO 275/32. *Straits Settlements: Sessional Papers 1886-1887*.
- CO 276/57. *Straits Settlements: Government Gazette Januari-April 1908*.
- CO 276/109. *Straits Settlements: Original Correspondence November 1887-October 1888*.
- Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Zain. (1971). *Laporan Pengkajian Surohanjaya Di-Raya Mengenai Perkhidmatan Perguruan Malaysia Barat*. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan.

Sumber Sekunder

- Abu Zahari Abu Bakar. (1980). *Perkembangan Pendidikan Di Semenanjung Malaysia: Zaman Sebelum Merdeka hingga ke Zaman Sesudah Merdeka*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Arikrishnan, Sankar. (2011). *Pergerakan Sosial Tamil di Tanah Melayu: 1920-an-1957*. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Chelliah, D. D. (1947). *A History of the Educational Policy of the Straits Settlements with Recommendations for a New System Based on Vernaculars*. Kuala Lumpur: The Government Press.
- Haris Md. Jadi. (1990). *Etnik, Politik dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasnah Husiin. (2009). *Guru-Guru Melayu Melayu dalam Bidang Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ho, Seng Hong. (1952). *Education for Unity in Malaya: An Evaluation of the Educational System of Malaya with Special Reference to The Need for Unity in Its Plural Society*. Pulau Pinang: The Ganesh Printing Works.
- Ibrahim Saad. (1977). *Pendidikan dan Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jumaah Haji Alias. (1982/1983). *Sejarah Perkembangan Sekolah Tinggi Melaka (1826-1976)*. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Keng, Heng Chua. (1997/1998). Pendidikan Cina Dari Perspektif Dong Jiao Zong, Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khairi Ariffin, Ramli Saadon & Ismail Ali. (2012). Kurikulum Pelajaran Vernakular Melayu di Tanah Melayu Pada Zaman Kolonial British Sehingga Perang Dunia Kedua. *Jurnal Manu*, 18, 1–31.
- Khoo Kay Kim. (1982). *Melaka: Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Ramlah Adam. (1991). *Maktab Melayu Melaka 1900-1922*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Saadon, Khairi Ariffin & Ishak Saat. (2016). Perkembangan Pendidikan Orang Melayu di Malaya Sebelum Kemunculan Western-Type Education. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 8(2), 79–96.
- Sattananttan, S. (1997). Perkembangan Sekolah-Sekolah Tamil dan Latihan Perguruan Bagi Guru-Guru Sekolah Tamil Sebelum & Selepas Merdeka. Latihan Ilmiah, Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Sufean Hussin. (1993). *Pendidikan Di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wicks, Peter. (1980). Education, British Colonialism and A Plural Society in West Malaysia: The Development of Education in The British Settlements along The Straits of Malacca 1786-1874. *History of Education Quarterly*, 20(2), 163–187.